

22 MAR 1998

Mahathir-syarikat

KECIL BESAR SYARIKAT BUKAN UKURAN UNTUK MENYERTAI MSC

HANNOVER, 22 Mac (Bernama) -- Walaupun kecil, syarikat anda masih boleh menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC) asalkan ia bersesuaian dengan objektif projek itu.

Inilah mesej yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) Jerman di sini di CeBit 98, pameran IT terbesar dunia.

Perdana menteri yang mengakhiri siri promosinya mengenai MSC Sabtu lepas, telah memberitahu bakal-bakal pelabur itu bahawa Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) tidak mampu menolak sesiapa pun.

"Anda tahu bahawa dalam perniagaan ini ada yang memulakannya dari dalam garaj kereta tetapi anda tidak akan tahu besar mana perniagaan mereka akan jadi dalam masa 10 tahun akan datang. Microsoft adalah contoh yang baik. Kami tidak boleh mengecualikan sesiapa pun," katanya.

Dr Mahathir memberitahu khalayak yang penuh sesak di CeBit 98 pada Jumaat bahawa sekiranya syarikat-syarikat kecil datang dengan idea-idea yang sesuai dengan objektif MSC, mereka akan diterima.

"Kami tidak mahu tanya berapa besar modal mereka ada dan berapa ramai kakitangan mereka atau lain-lain. Tetapi sekiranya mereka dapat memenuhi kehendak-kehendak MSC, kami mau mereka masuk serta. Kami percaya mereka akan dapat membangunkan potensi mereka sepenuhnya di MSC."

Kemudiannya, Dr Mahathir memberitahu para wartawan Malaysia bahawa lebih banyak syarikat IT Jerman telah menunjukkan minat dengan projek MSC.

Contohnya, kata beliau seorang pegawai sebuah kumpulan industri yang mewakili 1,000 syarikat IT kecil dan sederhana telah meminta MDC sentiasa berhubung dengan kumpulan itu untuk memberikan maklumat relevan yang mungkin menarik minat syarikat-syarikat itu.

Dr Mahathir, yang mengambil kesempatan untuk melawat beberapa gerai di CeBit 98 pada hari Jumaat dan Sabtu, mengakui bahawa penyertaan Eropah dalam projek MSC agak rendah pada 12 peratus.

Katanya ini mungkin disebabkan oleh ramai antara mereka masih belum mengetahui mengenai projek itu.

Beliau berkata perkara ini sedang diberi perhatian oleh MDC dalam usahanya untuk menarik penyertaan yang lebih dari Eropah, terutamanya Jerman.

Syarikat IT besar Jerman seperti Siemens telah mengetahui mengenai MSC dan sudahpun menyertainya, katanya.

Dari segi fizikal, MSC ialah satu kawasan yang dikhususkan untuk teknologi maklumat dan multimedia seluas 15km x 50km bermula dari Menara Berkembar Petronas sehingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang.

Tetapi dari segi aktivitinya, Dr Mahathir berkata MSC akan menjadi satu tempat pertanyaan dan keinginan untuk tahu intelektual dan tempat ujian teknologi tinggi (hi-tech) global di mana teknologi-teknologi baru multimedia dapat dicipta dan dicuba untuk era komunikasi baru yang tidak mempunyai batas.

MSC juga akan lebih berorientasi perniagaan dalam membangunkan aplikasi multimedia yang praktikal untuk perdagangan dan untuk memenuhi keperluan perniagaan dan peribadi pekerja berpengetahuan pada abad ke-21.

Semasa lawatan tiga hari beliau itu, Dr Mahathir bertemu dengan 30 ketua eksekutif syarikat IT dan multimedia terkemuka Jerman dan menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Pelabur-pelabur MSC.

Beliau juga bercakap mengenai krisis ekonomi Asia Tenggara di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman dan mengadakan perbincangan dua hala dengan Canselor Jerman Dr Helmut Kohl.

Perdana menteri juga menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama bernilai AS\$50 juta antara MEITECH Development Sdn Bhd, syarikat pelaburan milik penuh MDC, dan Remote Source Lighting International Inc (RSLI), perintis teknologi optik dan optik gentian dari Amerika Syarikat, untuk mengeluarkan pencahayaan produk pameran optik.

Produk-produk ini digunakan sebagai alternatif yang menjimatkan kepada pencahayaan tradisi bagi aplikasi seni bina, industri, perdagangan, hiburan dan "signage".

Sementara itu, para pegawai MDC akan berada di sini sehingga pameran CeBit 98 berakhir pada Rabu untuk mempromotkan kesedaran yang lebih lagi mengenai MSC. Mereka juga akan melawat beberapa syarikat teknologi tinggi termasuk Krone di Berlin dan "Makmal Masa Depan" Deutsche Telecoms'. --

BERNAMA

SHY WAT